

30 JAN 1999

Mahkamah-Anwar (Saksi)

PEGUAMBELA ANWAR CATAT KENYATAAN DARIPADA DR MAHATHIR DAN DAIM

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini membenarkan peguambela Datuk Seri Anwar Ibrahim mencatat kenyataan daripada saksi-saksi yang disediakan kepada mereka termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tun Daim Zainuddin.

Hakim Datuk S. Augustine Paul berkata pihak pembela harus menggunakan tempoh penangguhan selama lapan hari untuk mencatatkan kenyataan dan meminta pendakwaan mengemukakan saksi-saksi bagi memudahkan pihak pembela berbuat demikian.

Beliau membenarkan permohonan peguambela selepas memerintahkan Anwar untuk membela diri terhadap empat pertuduhan rasuah yang dipinda pada perbicaraan yang masuk hari ke-50.

Kemudian, ketika ditemui di luar mahkamah, peguam Christopher Fernando memberitahu pemberita bahawa Anwar akan menjadi saksi pertama pembela dan "mungkin Mahathir (Dr) sebagai saksi kedua."

Peguambela utama Anwar, Raja Aziz Addruse sebelum itu memberitahu mahkamah bahawa pembela ingin merakamkan kenyataan daripada saksi-saksi yang disediakan kepada mereka untuk menentukan sama ada mereka berguna sebelum memulakan pembelaan.

Beliau berkata mereka sebenarnya belum merekodkan kenyataan daripada saksi-saksi kerana ia terlalu awal untuk berbuat demikian sehingga mahkamah memutuskan untuk memanggil tertuduh membela diri dan mencadangkan supaya mereka mula mengemukakan kes dalam tempoh dua minggu mulai Isnin depan.

Paul bagaimanapun tidak membenarkan permohonan itu kerana tempoh itu terlalu lama dan menetapkan 8 Ogos untuk mendengar kes pembela.

Kepada permohonan untuk mencatat kenyataan daripada saksi-saksi, Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail berkata mahkamah harus menggunakan seksyen 136 Akta Keterangan 1950 yang membolehkan mahkamah menggunakan budibicaranya berhubung dengan perkara itu.

"Tiada peruntukan undang-undang untuk memaksa saksi memberi kenyataan kepada pembela. Kita boleh mengemukakan saksi tetapi saya tidak boleh berkata bahawa kenyataan itu boleh dicatatkan sebagai perkara yang menyentuh hak," kata beliau.

Beliau berkata pembela harus menjelaskan kepada mahkamah sama ada bukti yang hendak dikemukakan itu penting dan sama ada ia relevan.

"Ada empat hingga lima saksi yang merupakan tokoh ternama yang mempunyai tugas untuk dilaksanakan membabitkan orang awam dan sebagai keperluan, pihak pembela hendaklah bersifat jelas tentang apa yang mereka kehendaki daripada saksi-saksi. Walaupun pendakwa telah menyediakan saksi-saksi itu kepada pembela, saya meminta mereka mengambil kira faktor-faktor ini juga.

"Jika bukti yang hendak dikemukakan itu tidak penting atau relevan, maka mereka boleh meminta saksi-saksi itu meneruskan tugas-tugas mereka. Saya juga ingin memberitahu mahkamah bahawa saya telah memperolehi sapina bagi kelima-lima saksi berkenaan. Pihak pendakwa belum mengemukakan sapina itu kepada mereka. Saksi-saksi ini ialah Perdana Menteri, Tun Daim, Datuk Seri Megat Junid, Tan Sri Abdul Rahim Noor dan Peguam Negara.

"Pihak pendakwaan tidak menyerahkan sapina itu kerana tidak menyifatkan mereka sebagai saksi penting bagi pendakwaan," kata beliau.

Beliau berhujah bahawa berdasarkan bukti yang dikemukakan kepada mahkamah, tiada apa-apa yang menunjukkan bahawa mereka boleh mengemukakan apa-apa bukti yang bersifat penting.

Raja Aziz berkata permohonan pembela untuk merakamkan kenyataan daripada saksi-saksi tidak ada kena-mengena dengan pemberitahuan kepada mahkamah terlebih dahulu bagaimana mereka akan mengendalikan pembelaan dan ini tidak betul di sisi undang-undang.

Pihak peguambela Anwar memberitahu mahkamah pada 5 Jan lalu bahawa mereka bercadang untuk memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tiga orang menteri kabinet sebagai saksi mereka jika Anwar diperintahkan untuk membela diri.

Mereka ialah Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Perdana Menteri, Daim dan Megat Junid ialah antara 47 saksi yang disediakan oleh pendakwa kepada pembela dan pihak pembela bercadang untuk memanggil 22 orang saksi daripada senarai dan Rafidah yang tidak disenaraikan.

Ketika ditemui kemudian, Raja Aziz memberitahu pemberita bahawa pembela akan mempertahankan teori konspirasi politik.

Kepada hujah Gani, Raja Aziz berkata pihaknya tidak dapat menunjukkan bagaimana saksi-saksi itu penting sehingga mereka mencatatkan kenyataan.

"Saya tahu mereka mempunyai tugas yang ketat tetapi nama mereka termasuk dalam senarai saksi.... Mengenai soal sama ada saksi-saksi itu relevan dan penting, Kita tidak akan menyentuh mengenai relevan dan penting. Kita telah melihat bukti yang tidak relevan diberikan dan dipadamkan," kata beliau.

Pada ketika ini, riuh-rendah kedengaran daripada galeri awam.

Dalam keputusannya kepada sesyen 136, Paul berkata mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk bertanya tentang cara mana keterangan seseorang saksi itu penting dan mengenyepikan keterangan itu jika berpuas hati bahawa keterangan itu tidak relevan.

Gani berkata pendakwa tidak membantah bagi pembela menyoal saksi-saksi itu tetapi mereka boleh memaksa seorang saksi memberi dan menandatangani kenyataan.

Kepada permohonan bagi penangguhan dua minggu, hakim berkata pembela seharusnya mula menyediakan kes lebih awal dan berharap menjelang 8 Feb, semua kenyataan dirakamkan dan pembela boleh menjelaskan kepada mahkamah sama ada saksi-saksi itu relevan.

Anwar, 51, menghadapi empat pertuduhan melakukan amalan rasuah yang telah dipinda dengan menggunakan kedudukannya untuk mencampuri siasatan polis mengenai dakwaan salahlaku seksual terhadapnya.

Dia dituduh mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1970 yang boleh dihukum penjara 14 tahun atau denda RM20,000, atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Keputusan untuk memanggil bekas Timbalan Perdana Menteri itu dibuat pada hari ke-50 perbicaraan itu yang bermula pada 2 Nov tahun lepas.

Isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail ketika ditemui pemberita kemudian berkata beliau terkilan kerana pihak pembela hanya diberi masa seminggu untuk menyediakan kes mereka.

Kira-kira 500 penyokong gerakan reformasi yang dilancarkan Anwar berhimpun di perkarangan Masjid Jamek, Dataran Merdeka dan Jalan Raja.

Mereka bagaimanapun diarah bersurai oleh polis.

-- BERNAMA

TM FAZ